

Headline	Indeks dijangka hampiri paras 1,800 mata
MediaTitle	Berita Harian
Date	06 Aug 2018



Indeks dijangka hampiri paras 1,800 mata

Saham & Anda



Zainal Ariffin Osman
Pemegang lesen Wakil Peniaga dan Pasaran Hadapan berdaftar di Inter-Pacific Securities Sdn Bhd

Pada minggu ke-31 untuk tahun ini, minggu terakhir untuk Julai dan minggu pertama untuk Ogos, 2018, FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) mencatatkan kenaikan yang pertama selepas dua bulan penurunan.

Bagi Julai, indeks meningkat 92.75 mata dengan jumlah transaksi meningkat kepada 55.983 bilion dan nilai dagangan juga meningkat kepada RM49,295 bilion.

Untuk mingguan pula, FBM KLCI meningkat 10.95 mata untuk ditutup pada paras 1,780.09 selepas mencecah paras tertinggi minggu lalu, 1,778.31 yang dicatat pada Rabu.

Indeks FBM KLCI meningkat selama empat minggu berturut-turut dan sudah meningkat 50 peratus dari paras terendah pada Julai.

Jumlah dagangan menurun kepada 11.175 bilion dengan nilai dagangan juga menurun kepada 10.70 bilion. Sepanjang minggu juga, pasaran bercampur-campur dengan jajaran pasaran positif tiga hari dan negatif dua hari.

Ringgit menurun untuk sepanjang minggu dan pelabur asing bersih adalah positif buat kali pertama sejak Mei 2018, dengan mencatatkan RM348 juta kemasukan pelabur asing bersih.

Indeks dijangka akan menghampiri paras rintangan psikologi, pada paras 1,800 mata dalam masa terdekat. Kemasukan kembali pelabur asing seperti yang dilihat pada kemasukan bersih asing adalah satu perkara yang positif bagi pasaran dan penurunan nilai ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) akan memberi impak positif kepada kaunter yang berteraskan eksport.

FBM KLCI naik 13.99 mata


Untuk pergerakan mingguan, pasaran pada Isnin dimulakan dengan FBM KLCI naik 1.12 mata untuk ditutup pada 1,770.26.

Pasaran saham Asia turun lebih rendah. Sementara itu, kadar pertukaran mata wang masih berlegar di julat yang sama pada permulaan minggu yang sibuk dengan mesyuarat bank pusat, keputusan korporat, kemas kini mengenai data inflasi dan data peluang pekerjaan AS.

Jumlah dagangan menurun kepada 2.197 bilion saham yang didagangkan dengan nilai keseluruhan pasaran melonjak kepada RM2.032 bilion. Indeks Bursa ditutup bercampur-campur dengan indeks Industri yang mendahului keuntungan.

Kaunter untung termasuk

Pergerakan FBM KLCI



IOIPG +RM0.06 (+3.39%), KIMHIN +RM0.06 (+4.55%), EWINT +RM0.05 (+4.72%), FAJAR +RM0.03 (+6.59%) EKOVEST +RM0.03 (+4.05%).

Menurut statistik Bursa Malaysia, aliran keluar bersih asing ialah -RM39.2 juta. Ringgit menyusut nilai kepada RM4.0623 berbanding dolar AS.

Pada Selasa, hari terakhir dagangan untuk Julai 2018, FBM KLCI naik 13.99 mata untuk ditutup pada 1,784.25.

Pasaran saham Asia ditutup pada jajaran yang kecil dan bercampur-campur apabila pelabur masih mencernakan keputusan Bank of Japan (BoJ) yang masih mengekalkan polisi mantap.

Jumlah dagangan meningkat kepada 2.712 bilion saham yang diniagakan dan nilai pasaran meningkat kepada RM3.051 bilion.

Semua indeks bursa ditutup lebih tinggi kecuali sektor Pengguna, Pembinaan, Perindustrian dan Kewangan.

Menurut statistik Bursa Malaysia, aliran masuk bersih asing ialah 343.5 juta. Ringgit menyusut nilai kepada RM4.0638 berbanding dolar AS.

Jumlah dagangan menurun

Pada Rabu, hari pertama di dalam Ogos 2018, bermula dengan FBM KLCI naik 4.06 mata untuk ditutup pada 1,788.31.

Kebanyakan pasaran saham Asia Tenggara naik, sejajar dengan kenaikan pasaran Asia dan Wall Street walaupun laporan bahawa Washington bercadang untuk menaikkan tarif ke atas barang China masih berlegar dan juga ketidakpastian

mengenai perdagangan Sino-AS. Jumlah dagangan menurun kepada 2.329 bilion saham yang diniagakan dan nilai pasaran menurun kepada RM2.052 bilion. Indeks bursa ditutup bercampur.

Kaunter untung termasuk PERSTIM RM5.20, (+RM0.36), PETGAS RM19.20, (+RM0.46), AIRPORT : RM9.48 (+RM0.23), DIGI RM4.72, (+RM0.17), LITRAK RM4.50, (+RM0.16), GENM RM5.19, (+RM0.13), GTRONIC RM2.6, (+RM0.10), RCECAP RM1.67, (+RM0.09), DUFU RM1.34, (+RM0.06), MALAKOF RM1.04, (+RM0.07), BAHVEST RM1.36, (+RM0.06) dan E & O RM1.59, (+RM0.06).

Menurut statistik Bursa Malaysia, aliran masuk bersih asing adalah 151.3 juta. Ringgit menyusut nilai kepada RM4.0665 berbanding dolar AS.

Pada Khamis, FBM KLCI susut 10.18 mata untuk ditutup pada 1,778.13. Pasaran Asia jatuh berikutan sesi yang bercampur-campur di AS.

Kebimbangan mengenai perang perdagangan mengimbangi keuntungan yang kukuh dalam teknologi.

Jumlah dagangan menurun kepada 2.090 bilion saham yang diniagakan dan nilai pasaran berkurang kepada RM1.987 bilion.

Semua indeks bursa ditutup rendah. Kaunter untung termasuk PESTECH RM1.59, (+RM0.09), DRBHCOR RM2.32, (+RM0.08), KPJ RM1.10, (+RM0.06) dan YTLPOWR RM1.22, (+RM0.03).

Menurut statistik Bursa Malaysia, aliran masuk bersih asing ialah -RM123.7 juta.

Ringgit menyusut nilai kepada RM4.0750 berbanding dolar AS.

Indeks ditutup lebih tinggi

FBM KLCI naik 1.96 mata pada Jumaat untuk ditutup pada 1,780.09. Saham Asia ditutup bercampur-campur dengan kejutan terhadap perang perdagangan dengan tumpuan kepada saham China, manakala dolar didagangkan berhampiran dengan paras tertinggi dalam tempoh dua minggu.

Jumlah dagangan menurun kepada 1.847 bilion saham yang didagangkan dan nilai pasaran berkurangan kepada RM1.578 bilion.

Semua indeks bursa ditutup lebih tinggi dengan pengecualian REIT, Hartanah dan Kewangan.

Kaunter untung termasuk UTDLPT RM27.88, (+RM1.08), HLIND RM11.48, (+RM0.38), AIRPORT RM9.80, (+RM0.24), SCIENTX RM8.00, (+RM0.17), PADINI RM6.15, (+RM0.13), LAFMSIA RM3.26, (+RM0.13), DIALOG RM3.38, (+RM0.10), ATAIMS RM1.60, (+RM0.08) HSPLANT RM2.34, (+RM0.06) dan ASTRO RM1.84, (+RM0.06).

Menurut statistik Bursa Malaysia, aliran masuk bersih asing ialah RM17.0 juta. Ringgit menyusut nilai kepada RM4.0813 berbanding dolar AS.

➔ Tulisan ini bukan memberi saranan untuk membeli atau menjual saham. Ia adalah berbentuk **komentar penulis** terhadap pasaran saham secara umum dan sebagai pendidikan kepada pelabur di Bursa Malaysia.



Kemasukan kembali pelabur asing seperti yang dilihat pada kemasukan bersih asing adalah satu perkara yang positif bagi pasaran dan penurunan nilai ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) akan memberi impak positif kepada kaunter yang berteraskan eksport"